

Menyingkap sejarah pilihan raya Malaysia

Berita Harian 07/04/2018
MIS 06

1955 PILIHAN RAYA PERTAMA TANAH MALAYU

Pilihan raya pertama Malaysia, sekali gus mengorak langkah pertama membolehkan negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Parti Perikatan (sebelum Barisan Nasional) terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC, berjaya menang 51 daripada 52 kerusi Persekutuan dalam pilihan raya pertama negara. Kemenangan Parti Perikatan itu menyaksikan Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Menteri Besar pertama Malaya. Pilihan raya itu juga menyaksikan penolakan terhadap parti pembangkang yang diketuai bekas Presiden UMNO, Datuk Onn Jaafar dan Parti Progresif Rakyat.

sekali gus kerajaan memerintah kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen. Pemilihan turut menyaksikan Dr Mahathir kehilangan kerusi Parlimennya dan dipecat daripada UMNO selepas menyerang Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Pulau Pinang jatuh ke tangan pembangkang selepas parti GERAKAN memenangi 16 daripada 24 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). Lanjutan daripada insiden rusuhan, kerajaan mengisytiharkan darurat, menggantung Parlimen dan Perlembagaan sehingga Februari 1971. Majlis Gerakan Negara (Mageran) dan Kabinet sementara kemudian memerintah negara. Pada September 1970, Tunku Abdul Rahman meletak jawatan dan digantikan oleh Tun Abdul Razak Hussein.



PRU14
#jomundi

1959 PILIHAN RAYA PERTAMA SELEPAS KEMERDEKAAN

Pilihan raya pertama diuruskan Suruhanjaya Pilihan Raya yang ditubuhkan pada 1958. Parti Perikatan memenangi 74 daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, yang turut memperlihatkan pembabitkan 259 calon, termasuk 29 calon Bebas. Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri, manakala Tun Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri.

1964 PILIHAN RAYA PERTAMA MALAYSIA

Pilihan raya kedua ini menyaksikan penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura selepas menyertai Malaysia pada 1963. Bagaimanapun, Singapura meninggalkan Malaysia pada 1965. Pengundian berlangsung di 104 daripada 159 kawasan Parlimen. Parti Perikatan menang 89 daripada 104 kerusi. Pilihan raya itu juga buat kali pertamanya memperlihatkan Parti Tindakan Rakyat Singapura (PAP) mengambil bahagian. Tun Dr Mahathir Mohamad juga turut dipilih bertanding di Parlimen Kubang Pasu, Kedah. Dalam tempoh itu, DAP ditubuhkan pada 18 Mac 1966, manakala Parti GERAKAN diwujudkan pada 24 Mac 1968.

1969 PENGAKHIRAN TRAGIK

Insiden rusuhan 13 Mei kesan pilihan raya ketiga menyaksikan negara berada dalam situasi malap. Rusuhan itu menyebabkan hari mengundi ditangguhkan sehingga 6 Jun dan 4 Julai 1970 di Sabah dan Sarawak. Parti Perikatan memperoleh 66 kerusi manakala pembangkang memenangi 54 kerusi,



Perarakan penamaan calon Lew Sip Hon (tiga dari kanan) dari Parti Perikatan di Petaling Jaya pada 1969.

1974 MASA DEPAN CERAH

Parti Perikatan menjenamakan mereka sebagai Barisan Nasional (BN) dengan menggunakan simbol dacing. BN terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, PAS, PPP, GERAKAN, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Perikatan Sabah dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Hanya DAP dan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) enggan bergabung. Kemenangan besar pada pilihan raya itu menyaksikan BN memenangi 135 daripada 154 kerusi yang dipertandingkan. Selepas pemecatannya, Dr Mahathir kembali menyertai UMNO dan dipilih ke Parlimen serta dilantik sebagai Menteri Pendidikan. Pada tahun 1976, Tun Abdul Razak meninggal dunia akibat penyakit leukemia dan Datuk Seri Najib Razak bertanding pada pemilihan seterusnya, sekali gus menjadikan beliau calon paling muda menang tanpa bertanding



Pada 19 Ogos 1974. Tun Abdul Razak bersama Datuk Abdul Rahman Yakub disambut lebih 1,000 orang penyokong Barisan Nasional setibanya di Kuching

di Pekan, Pahang. Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri ketiga selepas kematian Tun Razak.


1978 PEMILIHAN TUN HUSSEIN ONN

BN memenangi 150 daripada 154 kerusi di Dewan Rakyat. PAS menarik diri daripada BN pada 1977 berikutan peristiwa darurat Kelantan, selepas teretus percanggahan pendapat dengan UMNO berhubung pentadbiran kerajaan negeri. Ia juga memperlihatkan bekas pemimpin dan ahli PAS keluar daripada parti itu untuk membentuk parti Berjasa dan bergabung dengan UMNO untuk memenangi pilihan raya negeri. Buat kali pertamanya, sejak 1959 PAS gagal menawan Kelantan. Pada 15 Julai 1981, Tun Hussein Onn mempengerusikan mesyuarat Kabi-

net buat kali terakhir. Pada keesokan harinya, Dr Mahathir mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri keempat.

1982 DR M MENGORAK LANGKAH

BN yang kini terdiri daripada 11 parti campuran memenangi 132 daripada 154 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya yang diadakan lebih awal. Dr Mahathir mengalahkan calon PAS, Yusof Rawa untuk kerusi Parlimen Kubang Pasu, sekali gus membolehkan parti campuran itu mendapat majoriti dua pertiga. Pilihan raya itu turut menyaksikan Dr Mahathir membawa muka baharu ke dalam UMNO. Antaranya adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memenangi kerusi Permatang Pau, Pulau Pinang.



1986 DR MAHATHIR MENGUKUHKAN GENGGAMANNYA


Dr Mahathir mengukuhkan genggamannya ke atas BN dan membawa parti gabungan itu kepada kejayaan dengan memenangi 148 daripada 177 kerusi. UMNO turut mengadakan pilihan rayanya sendiri di mana Dr Mahathir mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk kerusi Presiden manakala Tun Ghafar Baba mengalahkan Tun Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden. Kemenangan itu mengakibatkan pergolakan parti, di mana Tengku Razaleigh dan Datuk Seri Rais Yatim meletakkan jawatan daripada Kabinet. Pada Februari 1988, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan UMNO adalah parti tidak sah berikutan saman dikemukakan 11 ahli UMNO yang sependapat dengan Tengku Razaleigh. Dr Mahathir kemudian menubuhkan UMNO Baru yang diterima cepat oleh kepemimpinan BN. Setahun kemudian, Tengku Razaleigh menubuhkan Parti Melayu Semangat 46 dan melantik Rais Yatim sebagai Timbalan.

Negeri (ISA), Anwar turut didakwa di mahkamah atas kesalahan liwat dan rasuah. Insiden itu membawa kepada penubuhan Parti Keadilan Nasional diketuai isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan kelahiran kepada gerakan reformasi.

1999 DR MAHATHIR MELABUHKAN TIRAI

Pilihan raya 1999 adalah pilihan raya Dr Mahathir terakhir yang melihatkan beliau memimpin BN memenangi 148 daripada 193 kerusi. Pilihan raya umum itu juga memperlihatkan pembangkang melawan BN di bawah satu payung, iaitu Barisan Alternatif. Ia terdiri daripada Keadilan, DAP, PAS dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang memenangi 45 kerusi. Pada 2003, selepas mengumumkan persaraan beliau dengan penuh air mata pada Perhimpunan Agung UMNO 2002, Dr Mahathir mengakhiri tampuk pemerintahannya selama 22 tahun. Tun Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pemerintahan pada 31 Oktober 2003.

2004 ABDULLAH AHMAD



2013 BN TERUS BERTAHAN WALAUPUN BERDEPAN SERANGAN HEBAT PEMBANGKANG

Datuk Seri Najib Razak memimpin BN kepada kemenangan 133 daripada 222 kerusi Parlimen. Pilihan raya itu juga menyaksikan parti gabungan BN iaitu MCA, MIC dan GERAKAN memperlihatkan prestasi terburuk. Bagaimanapun, Presiden GERAKAN, Datuk Seri Mah Siew Keong memenangi Pilihan Raya Kecil Teluk Intan pada 2014. Parti Pembangkang di bawah Pakatan Rakyat memberikan prestasi terbaik dengan memenangi 89 kerusi. Beberapa perkembangan politik berlaku di kedua-dua parti BN

Tunku Abdul Rahman, berdiri di atas kenderaan, melambai kepada orang ramai semasa perarakan kemenangan Perikatan di Kedah.



Pada 24 Ogos 1974. Pengiraan kertas undi Pilihanraya Umum 1974 di Sekolah Kebangsaan Ampang, Kuala Lumpur.

1990 KONFLIK PARTI GABUNGAN

Pilihan raya pertama selepas BN berdepan pihak lawan yang menggerunkan daripada Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat. Semangat 46 bergabung dengan PAS, Berjasa dan Parti Hizbul Muslimin Malaysia untuk menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah. Semangat 46 juga bergabung dengan DAP dan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk menubuhkan Gagasan Rakyat. BN menang 127 daripada 180 kerusi, manakala parti pembangkang memenangi 53 kerusi, sekali gus hampir menyebabkan BN kehilangan dua pertiga majoriti. Seminggu sebelum pilihan raya, PBS menarik diri daripada BN dan menyertai Gagasan Rakyat dan Dr Mahathir menganggap tindakan itu sebagai menikam daripada belakang. Tindakan PBS menyebabkan UMNO memasuki Sabah, Pada 1992, Tun Ghafar Baba meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri manakala Anwar yang memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO, mengambil alih daripada Ghafar.

1995 DR M DAN BN MEMDOMINASI

Kepesatan ekonomi, pertumbuhan 8 peratus setahun, rekod tahap pelaburan dan peluang pekerjaan memperlihatkan BN membolot kemenangan 162 daripada 192 kerusi yang dipertandingkan. BN memenangi 11 kerusi Parlimen dan 9 kerusi DUN tanpa bertanding. Khabar angin bertebaran beberapa minggu berhubung pengendalian krisis kewangan antara Dr Mahathir dan Anwar dan akhirnya pada 2 September 1998, Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Selain ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam

2004 ABDULLAH UMAMA MEMBERI NAFAS BAHARU

Empat bulan selepas mengambil alih jawatan daripada Dr Mahathir, Tun Abdullah Ahmad Badawi membawa BN kepada kemenangan besar dengan memenangi 198 daripada 213 kerusi Parlimen. BN turut berjaya menawan semula Terengganu yang sebelum ini jatuh ke tangan PAS pada 1999. Di Kelantan, PAS mendapat dua kerusi majoriti yang kemudian menjadi satu selepas pilihan raya kecil berikutnya. Kehadiran PAS di Kedah turut berkurangan. Keadilan bergabung dengan PRM sebelum pilihan raya dan membentuk Parti Keadilan Rakyat (PKR). Bagaimanapun, PKR hampir dimusnahkan dalam pilihan raya. Dr Wan Azizah berjaya mempertahankan kerusi Permatang Pauh di Pulau Pinang sebagai satu-satunya kerusi Parlimen untuk parti itu.

2008 BN KEHILANGAN DUA PERTIGA MAJORITI

la memperlihatkan BN kehilangan dua pertiga majoriti, yang kedua selepas pilihan raya 1969. BN memenangi 140 daripada 222 kerusi kuat Dewan Rakyat. Parti pembangkang di bawah Pakatan Rakyat memenangi 82 kerusi Parlimen. BN turut kalah di Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak, selain gagal merebut Kelantan daripada PAS. Bagaimanapun, BN berjaya merebut semula Perak selepas beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Rakyat meninggalkan parti masing-masing pada 2009. Ekoran prestasi buruk BN, Tun Abdullah turun dari tampuk pemerintahan dan melepaskan jawatannya kepada Datuk Seri Najib Razak.

politik berlaku di kedua-dua parti BN dan pembangkang. Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Mukhriz Mahathir dipecat, sementara Naib Presiden parti, Datuk Seri Shafie Apdal meninggalkan UMNO pada 2016. Muhyiddin dan Mukhriz, bersama Dr Mahathir menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), manakala Shafie menubuhkan Parti Warisan Sabah. Pakatan Rakyat tidak lagi diteruskan pada 2015 dan digantikan dengan Pakatan Harapan. Beberapa pemimpin PAS turut meninggalkan parti berkenaan untuk menubuhkan Parti Amanah Negara (PAN). Di Selangor, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menjadi Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Khalid Ibrahim.

